


SELAMAT, DIYAKINI & DILINDUNGI



LAPORAN TAHUNAN 2015

LAPORAN TAHUNAN

2015 JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI




VISI JPDP

PENERAJU U DALAM MEL KEPENTINGA DATA PERIB

dalam mencapai kesejahteraan
sebagai Negara Maju
yang selari dengan
Agenda Transformasi Negara.



TAMA INDUNGI N ADI



Cetakan Pertama, 2015

Hak Cipta Terpelihara Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia, 2015

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh

Ketua Pengarah

Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia

Aras 6, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Lot 4G9, Presint 4, Persiaran Perdana, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya, Malaysia.

Laman Web: <http://www.pdp.gov.my>

E-mel: info@pdp.gov.my

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan Malaysia.

Jabatan Perlindungan Data Peribadi

Buku Laporan Tahunan: Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia

ISSN 2289-8751



9 772289 875006

Judul: Laporan Tahunan Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2015

ISI KANDUNGAN

05	1.0	LASKAR EDITORIAL
06	2.0	PERSPEKTIF 360°
08	3.0	DATA KORPORAT
09	4.0	CARTA ORGANISASI
10	5.0	BARISAN PENGURUSAN
16	6.0	EKSPRESI PESURUHJAYA
18	7.0	PERIHAL AKTA 709
22	8.0	AKTA KEPADA TINDAKAN
26	9.0	ANDA KAMI DEKATI
32	10.0	JENDELA 2015

1.0 LASKAR EDITORIAL

PENASIHAT

Mazmalek Mohamad

Ketua Pengarah merangkap Pesuruhjaya
Perlindungan Data Peribadi Malaysia

KETUA PENYELARAS

Burniah Jamari

Timbalan Ketua Pengarah merangkap Timbalan
Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia

KETUA EDITOR

Nurzalizah Kartini Abdulah

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENGARANG

Azwarni Herni Che Noh

Pegawai Perhubungan Awam

Nurul Asfarina Mohd Aznan

Periolog Pegawai Perhubungan Awam

JURUFOTO

Mohd Hatta Rasid

EDARAN

Hilary Ho Fook Ming

Siti Hajar Hassan





2.0 PERSPE 360°

Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan agensi yang lain walaupun baru dua tahun penubuhannya. Dalam mengemudi satu jabatan yang baru bukanlah satu tugas yang mudah, pelbagai cabaran dan rintangan telah dilalui. Namun begitu, saya rasa bertuah kerana kekuatan JPDP adalah kerana sokongan daripada semua pegawai dan kakitangan.

KTIF

Ke arah pematuhan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709), Pengguna Data wajib mendaftar dengan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 1,915 pendaftaran telah diterima daripada 11 Golongan Pengguna Data yang wajib berdaftar. Setelah berdaftar, mereka perlu patuh kepada keperluan akta agar Data Peribadi yang diuruskan berada dalam keadaan selamat tanpa kebocoran dan penyalahgunaan.

Mengambil pendekatan bersemuka, Pasukan Pesuruhjaya telah melakukan audit pematuhan di 107 Agensi Pengguna Data di seluruh Malaysia. Lawatan ini merangkumi 11 sektor yang diwajibkan berdaftar dengan Akta 709. Fokus lawatan ini adalah kepada Agensi Pengguna Data yang memproses data peribadi yang merangkumi 11 sektor yang perlu berdaftar

di bawah Akta 709 dan juga agensi pengguna data yang tidak wajib berdaftar tetapi perlu patuh.

Hasil daripada maklum balas yang diterima semasa lawatan audit pemantauan, satu Standard Perlindungan Data Peribadi telah dirangka pada tahun ini sebagai rujukan kepada pengguna data atau individu yang memproses data peribadi. Standard yang merangkumi Standard Keselamatan, Penyimpanan dan Integriti Data merupakan kolaborasi Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi bersama Cybersecurity Malaysia (CSM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Selain menetapkan satu Standard, Jabatan melalui Pesuruhjaya juga dalam perancangan untuk mendaftar Tataamalan Pengguna Data. Terdapat empat rundingan awam draf Tataamalan telah diadakan dan dijangka dimuktamadkan pada awal 2016. Rundingan awam ini telah dilakukan di portal Jabatan dan telah dimuatnaik selama 21 hari untuk memberi peluang kepada pengguna data dan subjek data memberi maklum balas terhadap Tataamalan mengikut golongan pengguna data sebelum dimuktamadkan dan diterbitkan sebagai panduan dalam menguruskan data peribadi.

Memandangkan subjek mengenai Data Peribadi masih baru dalam kalangan masyarakat, pelbagai pendekatan telah digunakan dalam menyampaikan maklumat kepada umum antaranya penerbitan klip video pendek, penerbitan risalah dan bahan bacaan bercetak, Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) juga aktif menyebarkan maklumat melalui Portal dan media sosial seperti *Facebook*.

Pembangunan modal insan juga menjadi fokus utama ke arah pemantapan JPDP. Banyak kursus telah diadakan dan dihadiri bagi melatih dan meningkatkan kepakaran pegawai dan kakitangan dalam profesion masing-masing antaranya Kursus Digital Forensik, Kursus *Cyber Security* bagi Pegawai Penguatkuasa, kursus perundangan bagi Pegawai Undang-undang dan sebagainya.

Buku Laporan Tahunan ini diharap dapat membantu masyarakat untuk lebih memahami keperluan, kehendak dan perkara-perkara yang berkaitan dengan Akta 709. Kelalaian dan kecuai dalam menjaga dan mengendalikan data peribadi boleh mengakibatkan maklumat individu mudah diceroboh dan disalahgunakan. Penerbitan ini juga diharap dapat memberi sedikit gambaran mengenai tugas dan peranan JPDP secara keseluruhannya.

Akhir kata, kepada warga JPDP, syabas dan tahniah atas kejayaan yang telah dicapai sepanjang tahun 2015. Tingkatkan usaha dan terus komited dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang di amanahkan serta bekerja dalam satu pasukan dengan semangat ukhuwah yang berpanjangan.

MAZMALEK BIN MOHAMAD

3.0 DATA KORPORAT

OBJEKTIF

UMUM

Mengawal selia pemprosesan data peribadi individu oleh organisasi agar dapat digunakan dalam transaksi komersial dengan penuh integriti, selamat dan tidak disalahgunakan.

KHUSUS

- Memastikan pematuhan perundangan perlindungan data peribadi oleh organisasi yang memproses data peribadi dalam konteks transaksi komersial mematuhi undang-undang perlindungan data peribadi.
- Melaksanakan tindakan penguatkuasaan untuk membanteras penyalahgunaan data peribadi agar hak rakyat Malaysia sentiasa terpelihara.
- Peneraju utama negara dalam perkara yang relevan dan signifikan dengan perlindungan data peribadi dan mewakili negara di peringkat antarabangsa mengenai isu-isu perlindungan data peribadi yang berkaitan.
- Mentadbir dan menguatkuasakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) untuk mengimbangi dan melindungi data peribadi individu dan organisasi dalam transaksi komersial yang lebih berintegriti.
- Pemantapan organisasi JPDP bagi pelaksanaan fungsinya agar seiring dengan keperluan dan Agenda Transformasi Negara.

VISI

Peneraju utama dalam melindungi kepentingan data peribadi dalam mencapai kesejahteraan sebagai negara maju yang selari dengan Agenda Transformasi Negara.

MISI


Untuk menguatkuasakan dan membudayakan perlindungan data peribadi supaya dapat mewujudkan suasana kepercayaan dalam kalangan perniagaan dan pengguna, yang menyumbang kepada peningkatan keyakinan transaksi komersial.





CARTA ORGANISASI

JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI MALAYSIA



* D KEMASKINI: 13/6/2013

4.0 CARTA ORGANISASI

5.0 BARISAN PENGURUSAN JPDP

JPDP diketuai oleh seorang Ketua Pengarah yang turut dilantik sebagai Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia. Beliau dibantu oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah yang turut dilantik menjalankan peranan sebagai Timbalan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

■ **Mazmalek Mohamad**

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Data Peribadi
merangkap Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia

Peranan Ketua Pengarah adalah bertanggungjawab bagi mempromosi, memantau dan menyelia pematuhan berkaitan pentadbiran Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709). Manakala, Pejabat Pesuruhjaya merupakan entiti bebas yang diwujudkan bagi melaksanakan penguatkuasaan Akta 709. Ketua Pengarah didokong oleh tiga Bahagian utama iaitu Bahagian Pendaftaran dan Operasi, Bahagian Pemantauan, Bahagian Perundangan dan tiga unit sokongan iaitu Unit Komunikasi Korporat, Unit Teknologi Maklumat dan Unit Khidmat Pengurusan dengan peranan dan fungsi-fungsi berkaitan.

■ Burniah Jamari

Timbalan Ketua Pengarah
Jabatan Perlindungan Data
Peribadi merangkap Timbalan
Pesuruhjaya Perlindungan Data
Peribadi Malaysia



Bahagian Pendaftaran dan Operasi (BPO)

BPO berperanan untuk menyelaras dan memantau hal-hal yang berkaitan dengan pendaftaran pengguna data dan Forum Pengguna Data seperti mana yang diperuntukan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709). Dua unit baru telah diwujudkan iaitu Unit Pendaftaran dan Unit Hal Ehwal Pengguna Data.



“Kami bertanggungjawab dalam menguruskan permohonan pendaftaran pengguna data, pembaharuan pendaftaran dan pembatalan pendaftaran pengguna data serta mengeluarkan perakuan pendaftaran bagi setiap pengguna data yang layak berdaftar di bawah Akta 709”.

Noreen Iszani Yusak
Ketua Unit Pendaftaran



“Unit ini berperanan menguruskan penubuhan Forum Pengguna Data seperti yang diperuntukkan di dalam Perintah Golongan Pengguna Data serta menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan Forum tersebut”.

K. Mohan a/l K. Kanapathy
Ketua Unit Hal Ehwal Pengguna Data

Bahagian Pemantauan

Bahagian Pemantauan bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan Akta 709 melalui Penilaian, Penyiasatan dan Pemantauan. Bahagian ini terdiri daripada Unit Penilaian Risiko, Unit Siasatan dan Unit Pemantauan.

Unit Penilaian Risiko (UPR) bertanggungjawab memastikan akauntabiliti dan integriti pengguna data untuk sentiasa melindungi data peribadi yang merupakan aset syarikat terpenting dalam sesebuah organisasi. Selain itu kami juga akan memastikan pelaksanaan program, aktiviti dan perlindungan data peribadi sentiasa mencapai piawaian yang ditetapkan melalui pengauditan yang bebas, analisis yang objektif serta penilaian yang komprehensif. Unit ini juga akan menilai semula sistem dan proses pengurusan risiko perlindungan data peribadi yang sedia ada, agar apa jua kelemahan yang timbul dapat diperbaiki dan diatasi.



Siti Dinar Othman
Ketua Unit Penilaian Risiko



Husnalrita Yussof
Ketua Unit Pemantauan I



Mastura Abd. Rahim
Ketua Unit Pemantauan II

Unit Pemantauan (UP) berfungsi untuk membantu organisasi pengguna data menambah baik operasi serta memberi keyakinan kepada rakyat dan pemegang taruh mengenai penggunaan dan pengurusan perlindungan data peribadi. Selain itu, kami akan memastikan proses *check and balance* yang amat penting dalam menentukan perlindungan data peribadi yang dilaksanakan oleh sesebuah organisasi telah dilaksanakan secara efektif dan efisien.



Unit Siasatan

Unit ini bertanggungjawab untuk memproses dan menguruskan aduan terhadap ketidakpatuhan pengguna data peribadi. Kami juga akan menyelaras dan melaksanakan aktiviti pemeriksaan, siasatan dan penguatkuasaan terhadap pengguna data sama ada berdasarkan aduan atau inisiatif Pesuruhjaya.



Tahir Puteh
Ketua Unit Siasatan

Bahagian Perundangan

Bahagian ini bertanggungjawab dalam memberikan khidmat nasihat perundangan kepada JPDP. Perkhidmatan yang diberikan meliputi nasihat perundangan, penggubalan undang-undang, semakan dokumen perundangan, mengendalikan kes-kes pendakwaan serta mewakili Jabatan dalam apa-apa tindakan guaman sivil di mahkamah.



Unit Komunikasi Korporat (UKK)

UKK berperanan untuk mempromosikan dasar, program dan aktiviti Jabatan ke arah pembentukan imej yang positif melalui perancangan promosi dan publisiti yang strategik dan berkesan. UKK juga bertindak sebagai barisan hadapan JPDP dalam memberikan maklumat-maklumat terkini kepada masyarakat berkaitan perlindungan data peribadi selain bertanggungjawab menyebarkan maklumat secara strategik, berkesan serta memenuhi ketetapan masa dan objektif Jabatan secara menyeluruh.

Norkhanizan Manaf
Ketua Unit Komunikasi Korporat



Unit Teknologi Maklumat (UTM)

UTM bertanggungjawab memberi perkhidmatan sokongan teknikal, sistem dan bantuan khidmat nasihat berhubung kemudahan ICT kepada warga Jabatan Perlindungan Data Peribadi.

Sharil Mazmi Mohd Sharif
Ketua Unit Teknologi Maklumat

Unit Khidmat Pengurusan (UKP)

UKP berfungsi untuk menguruskan hal-hal pentadbiran dan kewangan Jabatan, merancang, menyelaraskan dan menyediakan khidmat keurusetiaan untuk pelaksanaan aktiviti dan program peningkatan kualiti dan produktiviti Jabatan.

Hairani Shahman
Ketua Unit Khidmat Pengurusan





6.0

PESURUH

Pesuruhjaya

Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi dilantik di bawah Seksyen 47 oleh Menteri bagi maksud menjalankan fungsi dan kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya wajar.

Pesuruhjaya yang dilantik di bawah subseksyen (1) ialah suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan. Pesuruhjaya boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

Peranan dan Fungsi:

- a. Menasihati Menteri mengenai dasar kebangsaan bagi perlindungan data peribadi dan segala perkara lain yang berkaitan;
- b. Melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang perlindungan data peribadi, termasuklah perumusan dasar dan tata cara operasi;
- c. Memajukan dan menggalakkan persatuan atau badan yang mewakili pengguna data untuk menyediakan tataamalan dan menyebarkan tataamalan itu kepada anggotanya bagi maksud Akta ini;
- d. Bekerjasama dengan pertubuhan perbadanan atau agensi kerajaan bagi maksud melaksanakan fungsinya;
- e. Menentukan menurut Seksyen 129 sama ada mana-mana tempat di luar Malaysia mempunyai suatu sistem bagi perlindungan data peribadi yang sebahagian besarnya seumpama dengan yang diperuntukkan di bawah Akta ini atau yang dapat digunakan bagi maksud yang serupa seperti Akta ini;
- f. Menjalankan atau menyebabkan dijalankan penyelidikan terhadap dan mengawasi pembangunan dalam pemprosesan data peribadi, termasuk teknologi, untuk mengambil kira kemungkinan apa-apa kesan pembangunan itu terhadap privasi individu berhubung dengan data peribadinya;
- g. Memantau dan menyelia pematuhan peruntukan Akta ini, termasuk pengeluaran pekeliling, notis penguatkuasaan atau apa-apa surat cara lain kepada mana-mana orang;
- h. Menggalakkan kesedaran dan penyebaran maklumat kepada orang awam mengenai kuat kuasa Akta ini;
- i. Berhubung dan bekerjasama dengan orang yang melaksanakan fungsi perlindungan data peribadi yang seumpama di mana-mana tempat di luar Malaysia berkenaan dengan perkara yang berkepentingan bersama, termasuk perkara yang melibatkan privasi individu berhubung dengan data peribadinya;
- j. Mewakili Malaysia melalui penyertaan dalam acara yang berhubungan dengan perlindungan data peribadi sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; dan
- k. Menjalankan apa-apa aktiviti dan melakukan apa-apa perkara yang perlu, memberi kebajikan dan patut bagi pentadbiran Akta ini, atau apa-apa maksud lain yang selaras dengan Akta ini sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

EKSPRESI JAYA

Kuasa Pesuruhjaya

1. Pesuruhjaya mempunyai segala kuasa untuk melakukan semua perkara yang perlu atau suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.
2. Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Pesuruhjaya hendaklah termasuk kuasa-
 - a. untuk mengutip apa-apa fi yang ditetapkan oleh Menteri;
 - b. untuk melantik mana-mana ejen, pakar, perunding atau mana-mana orang lain yang difikirkannya patut untuk membantunya dalam pelaksanaan fungsinya;
 - c. untuk merumuskan pembangunan sumber manusia dan program kerjasama bagi pelaksanaan fungsinya dengan patut dan berkesan;
 - d. untuk membuat kontrak;
 - e. untuk memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih atau tak alih bagi pelaksanaan fungsinya, dan untuk memindahhakkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaikan, mendemiskan, memindahkan hakmilik atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai harta itu atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak padanya;
 - f. untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang ditugaskan oleh Menteri dari semasa ke semasa; dan
 - g. untuk melakukan semua perkara yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada pelaksanaan fungsinya.

NOTA:

*Penyata Kewangan akan diterbitkan secara berasingan di dalam Laporan Kewangan Wang Perlindungan Data Peribadi yang mana menyenaraikan segala perbelanjaan dan pembayaran yang dilakukan secara sah oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia.

Akta 709 merupakan salah satu daripada kuasa perundangan yang terletak di bawah bidang kuasa JPDP melalui Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi. Akta 709 telah diwartakan pada Jun 2010 dan dikuatkuasakan sepenuhnya pada 15 November 2013.



tumpuan kepada aspek Pendaftaran Golongan Pengguna Data yang terlibat dan mengadakan Program Kesedaran Umum;

Akta ini bertujuan untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial oleh pengguna data demi melindungi kepentingan data peribadi umum. Walau bagaimanapun, Akta 709 hanya terpakai kepada data peribadi yang diproses atau hendak diproses di dalam Malaysia sahaja. Sehubungan itu, mana-mana individu yang memproses atau individu yang memberi kuasa bagi memproses mana-mana data peribadi adalah tertakluk di bawah akta ini.

Pelaksanaan Akta 709 oleh Jabatan Perlindungan Data Peribadi dibuat secara berperingkat mengikut tiga fasa utama bagi memudahkan proses peralihan dan penyesuaian pihak Pengguna Data dengan suasana kawal selia yang baru iaitu:

7. PERIHAL AKTA 709





penekanan kepada aspek pematuhan dan penilaian bagi mengukur tahap kesediaan entiti pengguna data bagi membangunkan Tataamalan dan lain-lain amalan terbaik; dan



pelaksanaan penuh Akta 709 melalui penyeliaan, pemeriksaan dan penyiasatan.

Dalam proses menguatkuasakan Akta 709, terdapat 11 Golongan Pengguna Data yang wajib berdaftar dengan Pesuruhjaya bagi memenuhi keperluan Akta 709. Setelah mendaftar, mereka akan diberikan Perakuan Pendaftaran dan perakuan tersebut perlu dipamerkan di organisasi mereka. Bagi 11 golongan tersebut adalah menjadi satu kesalahan bagi pengguna data sekiranya memproses data peribadi tanpa Perakuan Pendaftaran yang sah. Manakala bagi pengguna data yang tidak wajib mendaftar pula, mereka perlu patuh dengan prinsip-prinsip Perlindungan Data Peribadi. Pelaksanaan Akta 709 memerlukan pengguna data untuk menilai semula polisi privasi data, pemprosesan, dan pengurusan data peribadi sedia ada. Akta ini juga, memberikan hak tertentu kepada pemilik data (subjek data) sebagaimana yang termaktub dalam tujuh Prinsip Perlindungan Data Peribadi.

11 GOLONGAN PENGGUNA DATA

PEMAKAIAN AKTA 709

- Akta ini terpakai bagi mana-mana orang yang memproses, mempunyai kawalan terhadap pemprosesan apa-apa data peribadi berkenaan dengan transaksi komersial.

KETIDAKPAKAIAN AKTA 709

- Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak terpakai untuk memberi hak dan fleksibiliti menggunakan data peribadi asas bagi tujuan pentadbiran undang-undang.
- Akta ini tidak terpakai kepada data peribadi yang di proses di luar negara melainkan jika data peribadi itu diniatkan untuk diproses selanjutnya di Malaysia.

7

PRINSIP PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Tujuh Prinsip Perlindungan Data Peribadi yang wajib dipatuhi oleh pengguna data di bawah seksyen 5(1) demi menjaga keutuhan data peribadi iaitu:-

O1

PRINSIP AM

Data peribadi perlu dikutip bagi:

- Tujuan sah
- Atas kebenaran individu
- Mencukupi dan tidak berlebihan

O2

PRINSIP NOTIS DAN PILIHAN

- Pemakluman tujuan data di ambil.

O3

PRINSIP PENZAHIRAN

- Pemakluman pengkongsian data yang telah diambil dengan pihak ketiga/pihak lain

O4

PRINSIP KESELAMATAN

Data peribadi mesti:

- Sentiasa selamat disimpan
- Tidak diubahsuai
- Tidak disalahguna
- Tidak diberi kepada pihak tidak berkenaan

O5

PRINSIP PENYIMPANAN

- Penyimpanan data tidak melebihi tempoh yg ditetapkan.

O6

PRINSIP INTEGRITI DATA

Pastikan data peribadi sedia ada sentiasa:

- Tepat
- Lengkap
- Terkini
- Tidak mengelirukan
- Menepati tujuan data disimpan / diproses

O7

PRINSIP AKSES

- Subjek data (pemilik data) berhak untuk meminda, membetulkan dan membatalkan data peribadinya yang disimpan.

HAK-HAK SUBJEK DATA



01

Hak untuk tahu siapa dan tujuan pemprosesan data peribadi dibuat; akses dan meminta salinan (s.30).

02

Hak untuk membetulkan data peribadi yang sedang diproses sekiranya tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau terkini berdasarkan salinan yang diterima atau pengetahuannya sendiri (s.34).

03

Hak menarik balik persetujuan untuk memproses data peribadi melalui notis bertulis (s.38).

04

Hak menentukan takat penzahiran kecuali dalam keadaan yang dibenarkan oleh undang-undang (s.39).

05

Hak memilih sama ada memberi persetujuan bagi pemprosesan data peribadi sensitif kecuali dalam keadaan yang dibenarkan oleh undang-undang (s.40).

06

Hak menghalang atau mengenakan syarat bagi pemprosesan melalui 'Notis Subjek Data' jika ia percaya pemprosesan boleh menyebabkan kerosakan atau distres yang substansial dan tidak wajar kepada dirinya atau kepada orang lain, melainkan dalam keadaan yang dibenarkan oleh undang-undang (s.42).

07

Hak menghalang dari memulakan pemprosesan atau memberi tempoh untuk memberhentikan pemprosesan bagi maksud pemasaran langsung melalui penghantaran notis bertulis (s.43).

DATA PERIBADI
1 KOMODITI
BERNILAI TINGGI

8.0 AKTA KEPADA TINDAKAN

PRESTASI PENDAFTARAN PENGGUNA DATA

Pendaftaran Pengguna Data adalah di bawah Seksyen 16, Akta 709 memperuntukan semua Golongan Pengguna Data Peribadi yang terdiri daripada pihak individu mahupun swasta kecuali Kerajaan wajib berdaftar secara rasmi dengan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

Pendaftaran pengguna data adalah terbuka kepada individu/organisasi yang memproses data peribadi dalam transaksi komersial sepertimana yang dinyatakan dalam Perintah Golongan Pengguna Data. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan Penalti: Denda tidak melebihi RM500,000.00; atau penjara tidak melebihi tiga tahun; atau kedua-duanya.




PENALTI: DENDA TIDAK MELEBIHI

RM500
RIBU

Hasil daripada aktiviti-aktiviti promosi dan pertemuan-pertemuan yang diadakan dengan persatuan-persatuan yang mewakili pengguna data serta persidangan-persidangan yang telah diadakan, jumlah pendaftaran pengguna menyaksikan pertambahan. Masyarakat amnya dan pengguna data khususnya dilihat semakin memahami isu berkaitan perlindungan dan kepentingan melindungi data peribadi.

Setiap pendaftaran yang diluluskan akan disertakan dengan Perakuan Pendaftaran dan ianya perlu dipamerkan di tempat mudah dilihat dalam premis perniagaan masing-masing. Ini akan meningkatkan tahap kepercayaan serta keyakinan kedua-dua pihak apabila data peribadi diminta dan diproses bagi tujuan komersial.

JUMLAH PENGGUNA DATA YANG BERDAFTAR MENGIKUT SEKTOR PADA TAHUN 2015



KADAR FI PENDAFTARAN



Jadual 2 : Kadar fi



Carta 1: Pecahan jumlah pendaftar mengikut sektor tahun 2015

Melalui maklum balas yang diterima daripada pelbagai pihak, JPDP melalui Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan dan menambah baik keupayaan proses pendaftaran pengguna data dengan membangunkan Sistem Perlindungan Data Peribadi (SPDP) dan dijangka akan mula beroperasi pada Januari 2016. Dengan adanya sistem itu nanti, semua permohonan pendaftaran, pembaharuan pendaftaran, pembatalan pendaftaran dan pindaan perakuan pendaftaran oleh pengguna data boleh dibuat secara atas-talian (*online*) di <http://daftar.pdp.gov.my/login.php>.

SPDP dijangka berupaya untuk melancarkan urusan-urusan permohonan tersebut serta menjimatkan masa dan tenaga. Manual penggunaan SPDP juga disediakan bagi membantu pengguna data memahami dengan lebih lanjut cara-cara penggunaan SPDP ini.




Sistem Perlindungan Data Peribadi (SPDP) yang akan digunakan mulai tahun 2016

LAWATAN AUDIT PEMATUHAN

Penyaluran maklumat yang tepat dan bimbingan khidmat nasihat adalah langkah yang diambil bagi pelaksanaan fasa pertama JPDP dalam melaksanakan Akta 709 di Malaysia terutamanya kepada Golongan Pengguna Data. Justeru itu, pelbagai program telah dilaksanakan bagi memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat khususnya Golongan Pengguna Data.

Dengan objektif untuk meningkatkan kesedaran terhadap aspek pematuhan dan komitmen Pengguna Data serta perkongsian pintar dalam melaksanakan Akta 709 dalam organisasi mereka. Program penerangan dan penjelasan yang diadakan telah membantu pihak Jabatan dan pengguna data untuk saling berhubung antara satu sama lain dalam merungkai permasalahan yang dihadapi. Platform ini telah memberi ruang dan peluang untuk jabatan melalui Pasukan Pesuruhjaya dan golongan sasaran berjumpa secara langsung dan lebih memahami persoalan dan permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan Akta ini di organisasi masing-masing.



Carta Pie menunjukkan Lawatan Pemantauan yang telah dijalankan pada tahun 2015 mengikut pecahan sektor

9.0

PERSIDANGAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 13 Persidangan Perlindungan Data Peribadi telah dilaksanakan di lokasi berbeza seluruh Malaysia. Persidangan tersebut merupakan salah satu program penerangan dan kesedaran kepada pengguna data. Peserta persidangan adalah tertumpu kepada pengguna data yang berdaftar dan memproses data peribadi untuk tujuan komersial. Mereka diberi taklimat dan kaedah terbaik yang boleh dipraktikkan dalam organisasi mereka. Melalui persidangan ini pihak Pesuruhjaya boleh bersua secara terus dengan pengguna data bagi menerangkan keperluan Akta 709 dengan lebih lanjut. Rata-rata peserta memberi maklum balas positif bahawa persidangan seperti ini perlu lebih kerap diadakan. Lebih 1300 peserta menghadiri Persidangan ini.

Golongan Pengguna Data yang hadir terdiri daripada pelbagai sektor seperti Komunikasi, ICT, Perkhidmatan, Pendidikan, Pertubuhan Perdagangan, Persatuan Pengguna, Syarikat Perniagaan, Kewangan, Perbankan dan Insurans, Perhotelan dan Pelancongan, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Perkhidmatan Kesihatan serta Perubatan.

ANDA KAMI DEKATI

13 PERSIDANGAN
PERLINDUNGAN
DATA PERIBADI

LEBIH
1300
PESERTA

TAKLIMAT UMUM

Selain daripada Penganjuran Persidangan Perlindungan Data Peribadi, sesi taklimat juga turut diadakan dalam menyebarkan kandungan dan keperluan dalam Akta 709. Sepanjang tahun 2015, beberapa sesi taklimat telah diadakan antaranya:

- * Taklimat APDP bersama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SUK Pulau Pinang).
- * Taklimat APDP sempena Kempen Minggu "Compliance Week" Maybank.
- * Taklimat Isu-isu semasa Privasi Antarabangsa bersama Professor Abu Bakar Munir daripada Universiti Malaya.
- * **Taklimat Isu-isu Semasa Privasi: *Framing Freedom of Information Act (FOIA) for Malaysia*** bersama Encik Noriswadi Ismail wakil Malaysia bagi *Fullbright Professional Exchange Scholarship*.
- * Taklimat **Simple Show Asia** dan beberapa siri taklimat bersama badan-badan korporat yang lain.

BIL	GOLONGAN PENGGUNA DATA	PENERAJU	TARIKH DRAF TATAAMALAN DIPAPARKAN DI PORTAL JPDP UNTUK RUNDINGAN AWAM (SELAMA 21 HARI)
1.	Insurans	Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM)	28/07/2015 – 17/08/2015
2.	Komunikasi	Maxis Berhad	02/09/2015 – 22/09/2015
3.	Perbankan & Institusi Kewangan	Persatuan Bank Bank Dalam Malaysia (ABM)	02/09/2015 – 22/09/2015
4.	Utiliti (Elektrik)	Tenaga Nasional Berhad (TNB)	01/10/2015 – 21/10/2015

FORUM PENGGUNA DATA

Forum Pengguna Data merupakan satu inisiatif kolaborasi yang diwujudkan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia untuk merangka, membangun dan menyediakan Tataamalan yang akan melindungi hak-hak subjek data. Ia menjadi suatu komitmen dan Akujanji Golongan Pengguna Data untuk lebih melindungi hak-hak subjek data bagi memenuhi keperluan pematuhan Seksyen 23, Akta 709. Tataamalan ini akan dipinda, dibangun, diubahsuai, dikaji semula dan dikemas kini dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan data peribadi dalam transaksi komersial.

Sehingga bulan Disember 2015, sebanyak empat rundingan awam draf Tataamalan telah diadakan. Rundingan awam ini telah dilaksanakan melalui portal Jabatan selama 21 hari, ia memberi peluang kepada pengguna data dan subjek data untuk memberi maklum balas terhadap Tataamalan mengikut golongan pengguna data.

PEMBANGUNAN TATAAMALAN

Golongan Pengguna Data yang disenaraikan akan ditambah dari semasa ke semasa bagi memastikan semua Pengguna Data terlibat di dalam Forum Pengguna Data yang akan menghasilkan Tataamalan mengikut golongan masing-masing. Tataamalan ini akan menjadi dokumen perundangan yang akan dirujuk oleh Pengguna Data dalam mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta 709 secara menyeluruh.

Rundingan awam draf Tataamalan adalah bertujuan mendapatkan maklum balas daripada pengguna data dan subjek data berhubung kefahaman mengenai perlindungan data peribadi. Bagi menjadikan Tataamalan golongan pengguna data sebagai dokumen rujukan yang mutlak dan sah dimana ia perlu dipatuhi oleh Golongan Pengguna Data yang berkenaan, maka maklum balas yang diterima akan dijadikan sebagai panduan sebelum Tataamalan dimuktamadkan.

Sehubungan dengan itu, maklum balas yang diterima melalui rundingan awam ini akan dianalisa dan hasil analisa tersebut akan digunakan dalam penyediaan draf akhir Tataamalan golongan pengguna data berkenaan. Draf akhir tersebut juga akan dibentangkan kepada peneraju Forum pengguna data sebelum didaftarkan oleh Pesuruhjaya.



**PENERAJU UNTUK
GOLONGAN
PENGGUNA DATA**

PERLANTIKAN PENERAJU FORUM PENGGUNA DATA

Sehingga Disember 2015, sebanyak 11 peneraju untuk Golongan Pengguna Data telah dilantik oleh Pesuruhjaya. Dengan adanya peneraju ini, maka Tataamalan akan dapat dikeluarkan dan sekaligus akan digunakan oleh Golongan Pengguna Data tersebut sebagai rujukan dalam proses pengurusan data peribadi pelanggan.


Pesuruhjaya akan turut membantu penyelarasan Forum Pengguna Data secara spesifik kerana setiap Tataamalan yang dihasilkan perlu diselaraskan mengikut Akta 709 selain disesuaikan dengan keperluan Golongan Pengguna Data itu sendiri. Oleh itu, bengkel-bengkel khusus akan diadakan bagi membantu Golongan Pengguna Data untuk lebih memahami amalan dan pendekatan terbaik selaras Akta 709.

GOLONGAN PENGGUNA DATA		PENERAJU	TARIKH SURAT RASMI PELANTIKAN DARIPADA PESURUHJAYA
KOMUNIKASI	1	Maxis Berhad	16/02/2015
PERBANKAN & INSTITUSI KEWANGAN	2	Persatuan Bank Bank Dalam Malaysia	09/12/2014
INSURANS	3	Persatuan Insurans Hayat Malaysia	09/12/2014
PELANCONGAN & HOSPITALITI	4	Persatuan Hotel Malaysia	16/02/2015
PENGANGKUTAN	5	Sistem Penerbangan Malaysia	14/04/2015
JUALAN LANGSUNG	6	Persatuan Jualan Langsung Malaysia	09/12/2014
PERKHIDMATAN - UNDANG-UNDANG	7	Majlis Peguam	06/02/2015
PERKHIDMATAN - AUDIT	8	Institut Akauntan Malaysia	22/12/2014
PERKHIDMATAN - PERAKAUNAN	9	Institut Akauntan Malaysia	22/12/2014
PERKHIDMATAN - ARKITEK	10	Pertubuhan Arkitek Malaysia	30/01/2015
UTILITI (ELEKTRIK)	11	Tenaga Nasional Berhad	14/04/2014

PEMATUHAN DAN PENILAIAN

Pelaksanaan Sepenuhnya Akta 709 adalah melalui penyeliaan, pemantauan, pemeriksaan dan penyiasatan. Inisiatif untuk meningkatkan sumber rujukan pematuhan secara atas talian kepada pengguna data juga turut diperluaskan lagi dengan memperbanyakkan penerbitan bahan-bahan rujukan.

Kertas Cadangan dan Kajian Selidik Berkenaan Peraturan-Peraturan Kompau telah dikemukakan pada tahun 2015 bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas pengguna data dan subjek data sebelum ia dimuktamarkan. Peraturan-peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pengkompaunan Kesalahan) dijangka diterbitkan pada awal tahun 2016.



PUBLISITI DAN PROMOSI

